

# RFN4

RANCANGAN FIZIKAL NEGARA KEEMPAT



**PLANMalaysia**  
Perancangan Melangkaui Kelaziman  
*Planning : Beyond Conventional*

PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa)  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2021





## PERUTUSAN PERDANA MENTERI



“

Tahun 2020 telah menyaksikan Malaysia diuji dengan cabaran yang cukup besar dan getir melalui penularan pandemik Covid-19. Perancangan dan pembangunan fizikal juga turut terkesan ekoran penularan Pandemik ini. Satu hala tuju baharu perlu diperkemas untuk memandu perancangan dan pembangunan fizikal dalam era Covid-19, serta pasca-penularan

Covid-19 kelak. Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4) yang disediakan sebagai dokumen perancangan paling tepat untuk melaksanakan fungsi tersebut.

RFN4 berfungsi menterjemahkan dasar-dasar sektoral negara ke dalam dimensi spatial. Dokumen ini menggariskan dasar, strategi dan tindakan-tindakan yang bersesuaian bagi memastikan **Malaysia mampu menjadi sebuah negara yang dinamik lagi makmur (*prosperous nation*) dan berdaya tahan (*resilient*),** dari segi ekonomi, alam sekitar dan keseimbangan sosial, **demi menjamin kesejahteraan rakyat (*people's wellbeing*).**

Keseimbangan pembangunan antara wilayah, bandar dan luar bandar turut diberi tumpuan dalam RFN4 agar ianya saling melengkapi dalam membentuk sinergi untuk pembangunan negara seterusnya. Bagi mewujudkan keseimbangan dalam perancangan dan pembangunan fizikal, Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) akan terus memainkan peranannya untuk menasihati Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri ke arah pencapaian suatu pemajuan yang mampan (*sustainable development*) di dalam negara.

Akhir kata, besarlah harapan saya agar RFN4 ini akan diterjemahkan sebaiknya di peringkat negeri dan tempatan bagi memastikan kesinambungan dasar yang jelas dan tersusun, serta menjadi asas pembangunan fizikal dan kerangka perancangan spatial untuk jangka masa panjang bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan mencorakkan negara yang seimbang demi kesejahteraan rakyat selaras dengan aspirasi Keluarga Malaysia sehingga tahun 2040.

**DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB**  
Perdana Menteri Malaysia





**PERUTUSAN  
YB. MENTERI KPKT**

“

Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4) merupakan dokumen teras yang sangat strategik kepada pembangunan negara. Selaras dengan aspirasi global yang bertemakan 'build back better' dan aspirasi KPKT iaitu Malaysia Berdaya Huni – RFN4 semestinya membawa iltizam dan tekad pembangunan mampan (*sustainable development*) dengan lebih holistik dan menyeluruh.

Komitmen dan kesungguhan kerajaan untuk merealisasikan ikhtiar kemakmuran pasca-pandemik perlu diperkukuh dengan keterlibatan segenap pemegang taruh dalam pengurusan perancangan dan pembangunan fizikal negara. Pendekatan keseluruhan kerajaan (*whole of government approach*) diterjemah sepenuhnya dalam RFN4.

Hakikatnya, penyediaan RFN4 ini telah melalui pelbagai proses libat urus bersama kementerian dan agensi di peringkat Persekutuan, Negeri dan organisasi masyarakat sivil/pertubuhan bukan kerajaan. Langkah ini dilakukan bagi memastikan hala tuju perancangan spatial dan pembangunan dapat dilaksanakan secara menyeluruh menjelang tahun 2040.

Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab terhadap penyediaan dokumen RFN4 ini, saya amat berharap ia dapat dijadikan sebagai rujukan pelbagai pihak dalam usaha pembangunan di semua peringkat. Selari dengan hasrat 'Keluarga Malaysia' yang merangkumi prinsip teras 'kemakmuran, keterangkuman dan kelestarian' – agenda teras, hala tuju strategik dan pelbagai strategi berkaitan pembangunan yang terkandung dalam RFN4 mesti difahami dan dihargai oleh seramai mungkin penggubal dasar dan pembuat keputusan.

Dekad yang akan datang ini menjadi tempoh yang cukup penting kepada pembangunan negara. Aspirasi dan hasrat Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) misalnya, tidak akan terasing daripada paksi matlamat RFN4. Malahan, kedua-duanya akan saling melengkapi dalam segenap segi. RFN4 akan menjadi rentak pemula kepada kesungguhan kita mencapai niat '**Negara Makmur, Berdaya Tahan dan Sejahtera**'. Saya amat yakin, dengan kerjasama semua pihak, kita mampu mengatasi sebarang cabaran pembangunan negara era pasca-pandemik dengan cukup tuntas dan berkesan.

Terima kasih.



**DATO' SRI REEZAL MERICAN NAINA MERICAN**  
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan





## PERUTUSAN KSU KPKT



“Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4) ini digubal untuk memandu hala tuju strategik perancangan dan pembangunan fizikal negara. Ia selaras dengan perancangan ekonomi Rancangan Malaysia Lima Tahun ke arah pencapaian suatu pembangunan yang mampan di dalam negara.

RFN4 ini mendokong pencapaian Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Rancangan Malaysia Ke-12 serta komitmen negara di peringkat global seperti Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG) dan Agenda Perbandaran Baharu (NUA).

RFN4 merupakan dokumen yang komprehensif dan bersifat responsif terhadap cabaran-cabaran pembangunan semasa dan masa hadapan terutamanya dalam menangani ancaman global seperti risiko perubahan iklim, bencana alam, kemerosotan alam sekitar serta perubahan sosial yang melibatkan isu kesihatan seperti ancaman pandemik COVID-19. Aspek pembangunan bercirikan pintar serta pengurusan pembangunan yang lebih dinamik turut diberi penekanan dalam penyediaan RFN4 ini.

Bagi memastikan pemakaian RFN4 dilaksana secara menyeluruh, KPKT melalui PLANMalaysia telah menjalinkan kerjasama erat dengan pelbagai kementerian, agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Sinergi ini amatlah penting dalam usaha menterjemah dan menyelaras dasar-dasar pembangunan ekonomi, sosial dan sektoral lain ke dalam dimensi spatial. Penglibatan Wilayah Persekutuan Labuan di dalam RFN4 pastinya akan memberi dimensi baharu terhadap perancangan spatial merentasi Laut China Selatan sebagai satu usaha bersepadu untuk mewujudkan keseimbangan pembangunan antara wilayah dan di antara bandar dan luar bandar. Sokongan dan usaha bersepadu semua pihak yang terbabit dalam menterjemahkan RFN4 akan memastikan matlamat **Malaysia Makmur, Berdaya Tahan dan Sejahtera** dapat dicapai dan diperkukuh pada masa hadapan.

**DATUK M NOOR AZMAN BIN TAIB**  
Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan







## PERUTUSAN Ketua Pengarah PLANMalaysia



“ Rancangan Fizikal Negara (RFN) merupakan dokumen peringkat tertinggi di dalam sistem perancangan guna tanah negara. Ianya disediakan di bawah peruntukan seksyen 6B, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Selaras dengan keperluan di bawah subseksyen 6B(4) Akta 172 yang memperuntukan supaya

dokumen ini dikaji semula setiap lima tahun, Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4) telah disediakan seiring dengan penyediaan Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT).

RFN4 dengan matlamat 'Makmur, Berdaya Tahan dan Sejahtera', dirangka sebagai satu pelan pembangunan yang menyeluruh dengan memberi penumpuan kepada aspek perancangan keselamatan negara termasuk pengurusan kawasan perairan negara dalam lingkungan tiga batu nautika ke laut, peningkatan infrastruktur digital, pembangunan bercirikan pintar, negara ke arah neutral karbon, jaminan sekuriti makanan negara di samping pembentukan komuniti yang inklusif dan berdaya huni.

RFN4 ini telah diluluskan untuk pemakaian oleh Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Ke-39 (Bilangan 3 Tahun 2021) pada 21 Oktober 2021. RFN4 ini meliputi seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan dan tidak meliputi Sabah dan Sarawak kerana kedua-dua negeri tertakluk kepada perundangan yang berbeza. **3 Teras Pembangunan, 11 Halatuju Strategik, 39 Strategi dan 120 Tindakan** yang berbentuk '*goal oriented*' digariskan untuk dilaksanakan oleh Kementerian-kementerian dan agensi pelaksana di peringkat persekutuan dan negeri.

Setiap perancangan pembangunan di peringkat negeri juga hendaklah menterjemahkan strategi dan tindakan-tindakan yang telah digariskan dalam RFN4 dalam penyediaan Rancangan Pemajuan iaitu Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan selaras dengan peruntukan perenggan 7(3)(aa), Akta 172. Akhir kata, RFN4 hendaklah menjadi rujukan utama oleh semua pihak dari peringkat perancangan dalam merangka hala tuju program pembangunan spatial ke arah mencapai kemakmuran dan daya tahan negara, serta kesejahteraan rakyat.

TPr Gs DR. SHAMSAINI BINTI SHAMSUDDIN  
Ketua Pengarah, PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa)